

03 SEP 2001

MAHATHIR-KADAR

M'SIA TIDAK PERGUNA KADAR FAEDAH UNTUK PERKEMBANGAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Malaysia tidak mempergunakan kadar faedah atau kadar pertukaran matawang asing serta penyuntikan wang secara mendadak untuk mencapai pertumbuhan ekonomi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kami mengkaji dan memperbetulkan setiap segmen ekonomi bagi mengekalkannya di laluan yang sebenar," katanya pada pembukaan Sidang Kemuncak Pasaran Modal di sini hari ini.

Beliau berkata pendekatan yang dilaksanakan oleh Malaysia telah mendatangkan hasil kerana asas-asasnya kekal kukuh dan telah terdapat pemulihan yang sepenuhnya.

Merujuk kepada tambatan RM3.80 berbanding dolar Amerika, beliau berkata ia kekal mapan dan konsisten dengan asas-asas ekonomi negara walaupun terdapat tekanan daripada beberapa pihak supaya nilai ringgit diturunkan bagi menjadikan eksport Malaysia lebih bersaing dan meningkatkan pertumbuhan eksport.

Beliau berkata akan terdapat kesan yang minimal terhadap sebarang penurunan nilai kerana eksport serantau menurun secara drastik.

Dengan itu, adalah salah untuk menilai daya saing negara secara eksklusif dengan asas nilai matawangnya berbanding matawang yang bersaing.

Dengan mengambil kira pelbagai sumbangan positif Malaysia, idea menurunkan nilai ringgit bagi menjadikan produk negara bersaing hanya mencerminkan satu pemikiran yang cetek.

Mengenai pasaran saham, beliau berkata ianya adalah untuk para pelabur yang serius dengan pandangan masa depan yang strategik dan niat yang ikhlas untuk membuat keuntungan bagi jangka masa panjang.

"Jangan bertaruh di pasaran saham semata-mata kerana khabar angin mungkin tersebar begitu sahaja.

Kawalan terpilih dan pertukaran Malaysia telah membuahkan hasil dan melindungi ekonominya daripada ancaman luar yang di luar kawalan negara terutama daripada spekulator-spekulator matawang, katanya.

Negara juga melihat kembali kelemahan sendiri dan telah mengambil pelbagai langkah untuk memperbaiki kesilapan lampau, kata beliau.

"Ketika dunia mula menerima justifikasi terhadap kawalan kita yang dulunya dianggap di luar kelaziman, kita juga mula melihat usaha-usaha kita dalam meningkatkan tabdir urus dan ketelusan, penyusunan semula serta pembersihan syarikat-syarikat yang berprestasi buruk dan mengurangkan pendedahan risiko mendatangkan hasil," katanya.

Beliau berkata semua usaha itu disasarkan bagi mendapatkan semula keyakinan pelabur terhadap pasaran modal Malaysia dan syarikat-syarikat tempatan.

Dr Mahathir berkata krisis kewangan Asia telah menunjukkan keperluan membasmi amalan korporat yang tidak sihat dan syarikat-syarikat lebih telus bagi menarik balik keyakinan pelabur.

Beliau juga berkata pihak berkuasa sedang berusaha untuk mengukuhkan industri pembrokeran dengan membentuk satu kumpulan syarikat-syarikat pembrokeran domestik besar yang dikenali sebagai broker universal yang boleh menyediakan pengantaraan yang cekap dan kos efektif kepada para pelabur.

Bagi liberalisasi yang beransur-ansur dalam industri pembrokeran dan tahap kesediaan bagi syarikat-syarikat pembrokeran tempatan, beliau berkata industri domestik akan dibuka kepada penyertaan ekuiti asing dalam dua fasa

mulai 2003.
-- BERNAMA
SHY MR NHD